



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia



# LAPORAN TAHUNAN **2021**





**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

LAPORAN TAHUNAN  
**2021**







# UUM

Universiti Utara Malaysia



# Isi Kandungan

Universiti Utara Malaysia - Selayang Pandang .....	04
Matlamat Penubuhan, Objektif Penubuhan, Visi dan Misi Universiti .....	06
Falsafah Universiti, Piagam Pelanggan .....	08
Canselor Universiti Utara Malaysia .....	10
Pro-Canselor Universiti Utara Malaysia .....	12
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti .....	15
Naib Canselor Universiti Utara Malaysia .....	16
Ahli Lembaga Pengarah Universiti .....	18
Jawatankuasa Pengurusan Universiti .....	21
Senarai Ahli Senat Universiti .....	22
Carta Organisasi Universiti Utara Malaysia .....	24
Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti .....	26
Maklumat Lembaga Pengarah .....	28
Tadbir Urus Korporat dan Kawalan Dalaman .....	30
Laporan Tadbir Urus Korporat .....	37
Hal Ehwal Antarabangsa .....	43
Hal Ehwal Akademik dan Majlis Konvokesyen .....	47
Maklumat Penyelidikan, Penerbitan Penyelidikan dan Inovasi .....	57
Promosi .....	71
Sumber Manusia dan Pembangunan Infrastruktur .....	75
Hal Ehwal Pelajar dan Keusahawanan .....	94
Laporan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia .....	101



# Selayang Pandang



Universiti Utara Malaysia (UUM) ditubuhkan di bawah Perintah Universiti Utara Malaysia (Perbadanan) 1984, bertarikh 16 Februari 1984.

Ia bermula dengan perancangan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menubuhkan Universiti ini dalam bulan Ogos 1983. Pada 19 Oktober 1983, Jemaah Menteri telah memberi kelulusan rasmi ke atas projek yang pada waktu itu dinamakan Projek Universiti Keenam, di Kedah. Beberapa bulan kemudian, pejabat sementara universiti keenam yang diberi nama Universiti Utara Malaysia itu dibuka pada 15 Februari 1984 di Jitra.





Pada Jun 1984, ia berpindah ke kampusnya yang pertama, Kampus Darul Aman bagi menyambut ketibaan pelajar-pelajar sulung UUM menjelang kemasukan mereka pada awal bulan Julai 1984. Kampus tersebut didirikan di atas satu kawasan seluas 62 ekar di Bandar Darul Aman, iaitu 18 km ke utara Alor Setar dan 4.8 km dari Jitra. Sementara itu perancangan untuk membina sebuah kampus tetap sudah pun bermula di atas satu kawasan seluas 1,061 hektar dalam Daerah Kubang Pasu juga yang terletak 28 km ke utara kampus sementara.

Kampus baharu UUM yang terletak di Sintok mula beroperasi pada 15 September 1990. Kampus yang jaraknya 48 km di utara Alor Setar dan 10 km di timur Changlun itu merupakan bekas lombong bijih timah yang dikelilingi pemandangan indah hutan hujan tropika dan bukit bukau. Selain itu, di tengah-tengahnya mengalir dua batang sungai iaitu Sungai Sintok dan Sungai Badak. Kampus ini telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor pada 17 Februari 2004.





# Matlamat Penubuhan

Matlamat utama penubuhan UUM adalah untuk memenuhi matlamat asas mengisi permintaan guna tenaga yang berkelayakan dan terlatih dalam bidang pengurusan. Selain itu, kampus ini ditubuhkan untuk mengembangkan dan memajukan pendidikan pengurusan. Program akademiknya tertumpu kepada bidang-bidang pengurusan, perakaunan, ekonomi, teknologi maklumat, pentadbiran awam, pengurusan sumber manusia, keusahawanan, kewangan dan perbankan, undang-undang, pemasaran, pengurusan teknologi, komunikasi, kerja sosial, multimedia, pendidikan, sains pemutusan, hal ehwal antarabangsa, pengurusan perniagaan, pelancongan, pentadbiran muamalat, pengurusan pembangunan, logistik dan pengangkutan, hospitaliti, pengurusan risiko dan insurans, teknologi media, perniagaan tani, matematik perniagaan, statistik industri dan kaunseling.

UUM juga memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan di kawasan utara Semenanjung. Prasarana dan kemudahan asas yang disediakan serta tenaga manusia di Universiti ini menjadi penggerak kepada kegiatan sosio ekonomi yang lain.

Di samping pengajaran dan penyelidikan, universiti ini juga memberi sumbangan kepada perkembangan sosial, ekonomi dan intelektual di kawasan sekitar. Universiti memainkan peranan ini dengan melibatkan dirinya dalam projek kemasyarakatan, sama ada secara sendiri mahupun dengan kerjasama badan-badan kerajaan dan sektor swasta.





## Objektif Penubuhan

- Untuk membangunkan bidang pengurusan sebagai pusat kecemerlangan.
- Untuk menjadi pusat rujukan dalam semua aspek pengurusan.
- Untuk menjadi pusat sumber yang terulung dalam bidang pengurusan.

## Visi

**Menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka**



## Misi

**Kami mendidik pemimpin berperwatakan holistik untuk berbakti kepada komuniti global**



# Falsafah Universiti

Menginsafi bahawasanya Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri berusaha mengubahnya;

Menginsafi bahawa Malaysia diberkati dengan kekayaan kedua-dua sumber penting, iaitu sumber manusia dan sumber alam;

Menyedari bahawa kedua-dua sumber itu mesti digembleng dengan sebaik-baik cara dan seberkesan mungkin; dan bahawa kunci kepada kejayaan ialah perancangan pengurusan, pengesanan, penilaian kembali, penganutan ilmu, sains dan teknologi;

Meyakini bahawa manusia tidak dapat hidup dengan kemajuan kebendaan semata-mata, tanpa perikemanusiaan, peradaban dan keimanan, manakala sumber alam pula tidak boleh dibiarkan dieksploitasi sehingga mengancam peradaban manusia itu sendiri;

Maka,

Universiti Utara Malaysia mendedikasikan dirinya kepada matlamat melahirkan lulusan yang mempunyai kebolehan dan kepimpinan tinggi dalam perancangan dan pengurusan sumber manusia dan sumber alam secara saintifik dan kreatif demi kesejahteraan bangsa, kesentosaan negara serta kedamaian dunia seluruhnya.

Azam Universiti ialah membina kecemerlangan prestasi dalam pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan perkhidmatan masyarakat, khususnya dalam usaha gembleran sumber manusia dan sumber alam secara yang berkesan.

Azam Universiti adalah untuk membina sahsiah bakal lulusannya supaya seimbang antara keilmuan, kebudiiman dan segala sifat kemanusiaan dengan nilai-nilai luhur dan murni.

Ke arah itu, Universiti akan membudayakan dirinya, sekalian pelajar dan kakitangannya sejajar dengan motonya:

**ILMU BUDI BAKTI**



# Piagam Pelanggan

Dalam merealisasikan wawasan untuk menjadikan Universiti Utara Malaysia sebagai Universiti pengurusan yang terlung dan cemerlang selaras dengan Moto Universiti “Ilmu, Budi, Bakti”, dengan izin Allah SWT maka kami dengan penuh tekad dan iltizam berjanji menyempurnakan hak-hak pelanggan kami seperti berikut:

## Pelajar

Menyediakan pendidikan, kemudahan pendidikan dan sistem pengurusan yang terbaik berlandaskan piawaian-piawaian yang ditetapkan.

## Staf

- Menyediakan calon pelajar yang berkemampuan.
- Menyediakan kemudahan terbaik bagi melicinkan proses kerja, ganjaran yang sesuai dan peluang pengembangan ilmu yang adil dan saksama ke arah pembangunan dan kemajuan kakitangan


## Negara

- Menyediakan bakal tenaga kerja untuk memenuhi keperluan negara.
- Menyediakan perkhidmatan latihan, penyelidikan dan perundingan ke arah mempertingkatkan lagi tahap perkembangan dan kemajuan ilmu.





# CANSELOR



**KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA AL AMINUL  
KARIM SULTAN SALLEHUDDIN  
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH**

D.K., D.K.H., D.M.N., D.U.K., D.K. (Kelantan), D.K. (Johor), D.K. (Perak),  
D.K. (Selangor), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Perlis), D.K. (Pahang),  
D.M.K., S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K.

**SULTAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**











## **PRO-CANSELOR**

**DULI YANG TERAMAT MULIA  
TENGKU SARAFUDIN BADLISHAH IBNI AL AMINUL  
KARIM SULTAN SALLEHUDDIN**  
D.M.K., D.S.D.K., S.S.S.

**RAJA MUDA KEDAH DARUL AMAN**








## PRO-CANSELOR

**YANG TERAMAT MULIA  
DATO' SERI DIRAJA TUNKU SHAZUDDIN ARIFF  
IBNI AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN**  
S.S.S.K., D.S.D.K., S.M.S.

**TUNKU LAKSAMANA KEDAH**







## **PRO-CANSELOR**

**YANG MULIA  
TENGKU TAN SRI DATO' PADUKA  
(DR.) MAHALEEL TENGKU ARIFF  
P.S.M., P.J.N., D.P.M.K.**





**PENGERUSI  
LEMBAGA PENGARAH  
UNIVERSITI**

**YANG BERBAHAGIA  
TAN SRI DATUK WIRA DR.  
HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR**





## NAIB CANSOLOR

**YANG BERBAHAGIA  
PROFESOR DATO' DR. AHMAD  
BASHAWIR HJ. ABDUL GHANI**  
[Sehingga 25 Ogos 2021]







**TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)  
MENJALANKAN FUNGSI NAIB  
CANSOLOR**

**YANG BERUSAHA  
PROFESOR DR. HAIM HILMAN  
ABDULLAH**  
[Mulai 12 September 2021]





# Ahli Lembaga Pengarah Universiti

## Pengerusi



**YANG BERBAHAGIA  
TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ.  
MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR**

## Ahli



**YANG BERBAHAGIA  
PROF. DATO' DR. AHMAD  
BASHAWIR HJ. ABDUL GHANI**  
[Sehingga 25 Ogos 2021]



**YANG BERUSAHA  
PROF. DR. HAIM HILMAN ABDULLAH**  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan & Inovasi)  
(Menjalankan Fungsi Naib Canselor)  
[Mulai 12 September 2021]



**YANG BERTHORMAT  
DATO' PADUKA AMMAR  
DATO' SHAIKH MAHMOOD NAIM**



**YANG BERBAHAGIA  
DATUK SERI DR. MAZLAN YUSOFF**  
[Sehingga 31 Mei 2021]



**YANG BERUSAHA  
PUAN YUSLIZA MOHD YUSOF  
(AHLI SILIH GANTI)**  
[Mulai 19 Julai 2021]



**YANG BERUSAHA  
PUAN NOR ENI ISMAIL**





**YANG BERBAHAGIA  
DATO' WAN SHAHARUDDIN  
WAN MAHMOOD**



**YANG BERBAHAGIA  
DATO' MUZAMMIL MOHAMAD**



**YANG BERUSAHA  
PROF. DR. MOHD ZAINI ABD KARIM**  
*[Sehingga 19 Jun 2021]*



**YANG BERUSAHA  
PROF. DR. ABDUL MALEK HAJI KARIM**  
*[Mulai 9 Ogos 2021]*



**YANG BERUSAHA  
PUAN NAZIRA ABDUL RAHIM**



**YANG BERUSAHA  
ENCIK KHAIRUL AZWAN HARUN**

*Setiasusaha*



**YANG BERBAHAGIA  
DATO' NORASLINA  
DATUK ZAINAL ABIDIN**



**YANG BERUSAHA  
ENCIK BAHARUDIN YAACOB**  
*[Mulai 24 Mac 2021]*



**YANG BERUSAHA  
ENCIK AHMAD RASIDI ABDULLAH**  
*[Mulai 25 Mac 2021]*



## *Ex-Officio*



TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)  
YANG BERUSAHA  
PROF. DR. SHAHIMI MOHTAR



TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)  
YANG BERUSAHA  
PROF. MADYA DR. HENDRIK LAMSALI



TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(PENYELIDIKAN & INOVASI)  
YANG BERUSAHA  
PROF. DR. HAIM HILMAN ABDULLAH



BENDAHARI  
YANG BERUSAHA  
PUAN EYLANI AHMAD



PENASIHAT UNDANG-UNDANG  
YANG BERUSAHA  
PROF. MADYA DR. ZAINAL AMIN AYUB



PROVOS  
YANG BERUSAHA  
PROF. DR. HASSAN ABU BAKAR



# Senarai Jawatankuasa Pengurusan Universiti

## PENGERUSI

### Naib Canselor

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani  
(sehingga 25 Ogos 2021)

### Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

#### Menjalankan Fungsi Naib Canselor

Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah (Mulai 12 September 2021)

## AHLI

### Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Prof. Dr. Shahimi Mohtar

### Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali

### Pendaftar

Encik Ahmad Rasidi Abdullah

### Bendahari

Puan Eylani Ahmad

### Ketua Pustakawan

Encik Salleh Hudin Mustaffa

### Penolong Naib Canselor UUM CAS dan Dekan Pusat Pengajian Pengkomputeran (SoC)

Prof. Dr. Huda Haji Ibrahim

### Penolong Naib Canselor UUM COB dan Dekan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB)

Prof. Dr. Russayani Ismail

### Penolong Naib Canselor UUM COLGIS dan Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG)

Prof. Madya Dr. Rusdi Omar

### Pengarah Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan

Prof. Madya Dr. Hijattulah Abdul Jabbar

### Provos UUM Kampus Kuala Lumpur

Prof. Dr. Hassan Abu Bakar

### Penasihat Undang-Undang

Prof. Madya Dr. Zainal Amin Ayub

## SETIAUSAHA

### Pengarah Jabatan Canselori

Encik Mohd Zamri Ahmad



# Senarai Ahli Senat Universiti Utara Malaysia

## PENGERUSI

### Naib Canselor

Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani (sehingga 24 Ogos 2021)

## AHLI

**Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Hal Ehwal Akademik**  
Prof. Dr. Shahimi Mohtar

**Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni) Hal Ehwal Pelajar**  
Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali

**Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Penyelidikan dan Inovasi**  
Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah

**Penolong Naib Canselor & Dekan Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) UUM CAS**  
Prof. Dr. Huda Hj. Ibrahim

**Penolong Naib Canselor & Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG) UUM COLGIS**  
Prof. Madya Dr. Rusdi Omar

**Penolong Naib Canselor & Dekan Pusat Pengajian Ekonomi Kewangan dan Perbankan (SEFB) UUM COB**  
Prof. Dr. Russayani Ismail

**Provos UUM Kampus Kuala Lumpur**  
Prof. Dr. Hassan Abu Bakar

## DEKAN

### UUM COLLEGE OF ARTS AND SCIENCES (UUM CAS)

**Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)**  
Prof. Madya Dr. Mohd Kamal Mohd Nawawi

**Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHS GS)**

Prof. Madya Dr. Hisham Dzakiria

**Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP)**

Prof. Dr. Shukri Ahmad

**Pusat Pengajian Pendidikan (SOE)**

Prof. Madya Dr. Yahya Don

**Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC)**

Prof. Madya Ts. Dr. Sobihatun Nur Abdul Salam

**Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)**

Prof. Madya Dr. Abdul Razak Abd Manaf

**Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA)**

Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin

**Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM)**

Prof. Dr. Salniza Md. Salleh

### UUM COLLEGE OF BUSSINESS (UUM COB)

**Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS)**

Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri Md. Hussain

**Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik (STML)**

Prof. Dr. Nor Hasni Osman

**Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA)**

Prof. Madya Dr. Rose Shamsiah Samsudin

### UUM COLLEGE OF LAW, GOVERNMENT AND INTERNATIONAL STUDIES (UUM COLGIS)

**Pusat Pengajian Kerajaan (SOG)**

Prof. Madya Dr. Halimah Abdul Manaf

**Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM)**

Dr. Johan Afendi Ibrahim

**Pusat Pengajian Undang-Undang (SoL)**

Prof. Madya Dr. Rohana Abdul Rahman

**Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS)**

Dr. Nazariah Osman

**PENGARAH****Institut Pengurusan Kualiti (IPQ)**

Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd. Mokhtar

**Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC)**

Prof. Dr. Nor Aziah Abdul Manaf

**Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE)**

Prof. Madya Dr. Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah

**UUM Information Technology (UUMIT)**

Prof. Dr. Abdul Malek Hj. Abdul Karim

**Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC)**

Dr. Shahrina Othman

**Pusat Ko-Kurikulum**

Dr. Mohamad Zaki Ahmad

**Dekan Hal Ehwal Pelajar**

Prof. Madya Dr. Massudi Mahmuddin

**Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC)**

Prof. Madya Dr. Badariah Haji Din

**Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC)**

Prof. Dr. Fauziah Abdul Rahim

**Akademi Golf Nasional**

Prof. Madya Dr. Mohd. Sobri Don @ A. Wahab

**Pusat Asasi Pengurusan**

Prof. Dr. Munif Zariruddin Fikri Nordin

**Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD)**

Prof. Madya Dr. Hijattulah Abdul Jabbar

**PROFESOR**

Prof. Dr. Zurni Omar

Prof. Dr. Sharipah Soaad Syed Yahaya

Prof. Dr. Abdul Malek Hj Abdul Karim

Prof. Dr. Rosna Awang Hashim

Prof. Ts. Dr. Suhaidi Hassan

Prof. Dr. Abdull Sukor Shaari

Prof. Dr. Mohd Amy Azhar Hj. Mohd Harif

Prof. Dr. Roslan Abdul Hakim

Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki

Prof. Dr. Muhamad Ali Embi

Prof. Dr. Muhammad Fuad Othman

**Ketua Pustakawan**

Encik Salleh Hudin Mustaffa

**Bendahari**

Puan Eylani Ahmad

**Pendaftar**

Encik Ahmad Rasidi Abdullah

**Penasihat Undang-Undang**

Prof. Madya Dr. Zainal Amin Ayub

**Pengarah Jabatan Hal Ehwal Akademik**

Puan Azian Nafiah

**MAJLIS PEWAKILAN PELAJAR (TURUT HADIR)****Yang DiPertua**

Saudara Muhammad A'Linur Ahlam Abu Bakar


**Naib Yang DiPertua**

Saudara Muhammad Azri Mizra



# Carta Organisasi Universiti Utara Malaysia

UMHSB

**JAWATAKUASA  
PENGURUSAN UNIVERSITI**

**PETUNJUK**


- ..... Bertanggungjawab kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- ..... Bertanggungjawab kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni)

**Senarai Pusat Pengajian**
**UUM CAS**

Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan  
 Pusat Pengajian Sains Kuantitatif  
 Pusat Pengajian Pendidikan  
 Pusat Pengajian Pengkomputeran  
 Pusat Pengajian Teknologi, Multimedia dan Komunikasi  
 Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial  
 Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah

**UUM COB**

Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan  
 Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz  
 Pusat Pengajian Perniagaan Islam  
 Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik  
 Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan  
 Akademi Golf Nasional



**UUM COLGIS**  
 Pusat Pengajian Kerajaan  
 Pusat Pengajian Antarabangsa  
 Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara  
 Pusat Pengajian Undang-undang

#### Inapan Siswa (INASIS)

Inasis MAS	Inasis GRANTT	Inasis YAYASAN ALBUKHARY
Inasis TNB	Inasis PETRONAS	Inasis BANK MUAMALAT
Inasis PETRONAS	Inasis SIME DARBY	Inasis BANK RAKYAT
Inasis TRADEWINDS	Inasis MISC	Inasis SME BANK
Inasis TM	Inasis BSN	Inasis MAYBANK

Tarikh kemas kini: 15 April 2021





## Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Apabila seluruh dunia dilanda pandemik Covid-19 pada awal tahun 2020, tiada siapa menyangka keadaan ini akan berlanjutan sehingga 2021. Dalam tempoh itu, Universiti Utara Malaysia (UUM) turut menerima kesan selain daripada melalui pelbagai adaptasi bagi memastikan semua pemegang taruh termasuk pelanggan utama iaitu pelajar, masih memiliki keyakinan terhadap universiti dan dapat mengikuti pengajian masing-masing.

Dalam hal ini saya amat menghargai kerja keras semua pihak khususnya pengurusan tertinggi UUM yang cekal menghadapi cabaran khususnya apabila rizab tunai berkurangan berikutan pengurangan geran kerajaan bagi membiayai perbelanjaan mengurus dari tahun ke tahun. Disebabkan universiti mengalami kekurangan pendapatan, pelbagai perkara perlu diambil kira khususnya bagi memastikan tiada pembaziran dalam pelaksanaan sepanjang tahun. Namun di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak di UUM yang telah mempelbagaikan usaha dalam meningkatkan penjana pendapatan dalaman serta mengambil langkah penjimatan perbelanjaan. Selain itu, ada sesetengah perkara perlu dilihat bagi memastikan tiada pembaziran berlaku disebabkan kurang penggunaan akibat ketiadaan pelajar khususnya dalam menanggung perbelanjaan

penyenggaraan. Namun, bagi memastikan kewangan universiti lebih mampan dan berdaya saing, penggunaan teknologi dalam pengurusan perlu dipertingkatkan agar sumber tenaga dapat dioptimumkan.

Dengan adanya sokongan daripada semua Lembaga Pengarah Universiti yang saya terajui bersama-sama pengurusan tertinggi, insya-Allah UUM dapat melangkah lebih jauh di sebalik cabaran yang dihadapi. dapat membawa UUM melangkah dengan lebih yakin. Lebih-lebih lagi apabila kejayaan demi kejayaan mampu dicapai walaupun semasa kekangan pergerakan dan pertemuan sehingga banyak pertemuan dilakukan secara dalam talian.

Saya yakin dengan pelaksanaan Pelan Strategik UUM Fasa III: 2021-2015, segala cabaran yang ditempuh sepanjang tempoh pandemik ini mampu membawa Universiti Utara Malaysia ke arah kecemerlangan yang lebih tinggi. Tiada yang mustahil untuk menjadikan universiti ini sebagai “Universiti Pengurusan Terkemuka” suatu hari nanti.

**Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar**

# Maklumat Lembaga Pengarah





# Maklumat Lembaga Pengarah

## Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Tahun 2021

Bil	Tarikh / Hari	Masa	Tempat
LPU Ke-129 (Bil. 1 / 2021)	21 / 2 / 2021 (Ahad)	9.00 Pagi	Bilik Mesyuarat Senat / Webex
LPU Ke-130 (Bil. 2 / 2021)	25 / 4 / 2021 (Ahad)	9.15 Pagi	Virtual Classroom Tissa / Webex
LPU Ke-131 (Bil. 3 / 2021)	13 / 6 / 2021 (Ahad)	9.00 Pagi	Anjung Tamu / Webex
LPU Ke-132 (Bil. 4 / 2021)	12 / 9 / 2021 (Ahad)	9.00 Pagi	Online Webex
LPU Ke-133 (Bil. 5 / 2021)	24 / 10 / 2021 (Ahad)	9.30 Pagi	Bilik Mesyuarat Senat / Webex
LPU Ke-134 (Bil. 6 / 2021)	22 / 12 / 2021 (Rabu)	9.30 Pagi	Bilik Mesyuarat Senat / Webex
LPU Khas (Bil.1 / 2021)	24 / 1 / 2021 (Ahad)	9.00 Pagi	Bilik Mesyuarat Senat
LPU Khas (Bil. 2 / 2021)	4 / 4 / 2021 (Ahad)	9.00 Pagi	Online Webex
LPU Khas (Bil. 3/2021)	14 / 7 / 2021 (Rabu)	12.00 Tengah Hari	Online Webex
LPU Khas (Bil.4 / 2021)	1 / 8 / 2021 (Ahad)	9.00 Pagi	Online Webex
LPU Khas (Bil. 5 / 2021)	13 - 14 / 11 / 2021 (Sabtu - Ahad)	8.30 Pagi - 5.30 Petang	Holiday Villa Langkawi

## Kehadiran Ahli LPU Dalam Mesyuarat LPU 2021

		24-Jan	21-Feb	4-Apr	25-Apr	13-Jun	14-Jul	1-Aug	12-Sep	24-Oct	13-Nov	22-Dec	
Bil.	Nama	LPU Khas 1	LPU 129	LPU Khas 2	LPU 130	LPU 131	LPU Khas 3	LPU Khas 4	LPU 132	LPU 133	LPU Khas 5	LPU 134	Bil Kehadiran
1	YBhg. Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
2	YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani/ Naib Canselor	✓	✓	x	✓	✓	x	✓	Tamat tempoh				5
3	YBrs. Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah (Menjalankan Fungsi)								✓	✓	✓	✓	4
4	YBhg. Dato' Wan Shahrudin Wan Mahmood	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
5	YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff (Wakil KPT)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	Bersara		9
6	YBrs. Puan Yusliza Mohd. Yusof (Ahli Silih Ganti)											✓	1
5	YBrs. Pn. Nor Eni Ismail (Wakil MoF)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x	x	✓	✓	✓	9
6	YBhg. Dato' Muzammil Mohamad	x	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	10
7	YBhg. Dato' Noraslina Datuk Zainal Abidin	✓	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓	✓	x	9
8	Prof. Dr. Mohd. Zaini Abd. Karim (Wakil Senat)	✓	✓	✓	✓	✓							5
9	Prof. Dr. Abdul Malek Abd Karim (Wakil Senat)						✓	✓	✓	✓	✓	✓	6
10	YBrs. Pn. Nazira Abdul Rahim	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x	x	9
11	YBrs. Encik Khairul Azwan Harun	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	x	9
12	YB. Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim	x	✓	✓	x	✓	x	x	✓	✓	x	✓	6
13	Pendaftar	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11
<b>Bil.hadir Mesyuarat (12 orang)</b>		<b>10</b>	<b>12</b>	<b>11</b>	<b>11</b>	<b>12</b>	<b>9</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>12</b>	<b>9</b>	<b>9</b>	



# Tadbir Urus Korporat dan Kawalan Dalaman

## Perlembagaan Universiti Utara Malaysia - Bahagian III Pihak Berkuasa Universiti

15. (1) Pihak Berkuasa Universiti ialah Lembaga, Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti atau dengan apa-apa jua nama ia disebut, Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti, Pusat, Akademi, Institut, Jawatankuasa Pengajian, Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Kebajikan Pelajar dan badan-badan lain yang ditetapkan oleh Statut sebagai Pihak Berkuasa Universiti.

### Keahlian Lembaga Pengarah

Seksyen 16. (1) menyatakan keahlian lembaga pengarah hendaklah terdiri daripada

- (a) Pengerusi;
- (b) Naib Canselor;
- (c) dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam;
- (d) seorang yang mewakili masyarakat di tempat terletakinya Universiti; dan
- (e) seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam perenggan 20(1)(d); dan
- (f) lima orang yang terdiri daripada tiga orang daripada sektor swasta, seorang daripada alumni Universiti dan seorang lagi dari dalam atau luar Universiti yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Lembaga.

(2) Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli ex-officio Lembaga tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Lembaga.

(3) Tertakluk kepada kelulusan Menteri, setiap ahli yang dilantik di bawah perenggan (1) (c) boleh melantik seorang ahli silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Lembaga jika ahli itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(4) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga, seseorang ahli silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai ahli Lembaga

### Peruntukan berhubung dengan Lembaga

17. (1) Pelantikan ahli Lembaga, kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan apabila habis tempoh itu ahli Lembaga adalah layak dilantik semula.

(1A) Tempoh ahli yang dilantik di bawah perenggan 16(1)(e) hendaklah bagi selama tempoh keanggotaannya dalam Senat.

(2) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.

(3) Pengerusi dan empat ahli lain tidak termasuk ahli ex-officio Lembaga hendaklah membentuk kuorum bagi apa-apa mesyuarat Lembaga.

(4) Ahli Lembaga hendaklah dibayar apa-apa saraan atau elaun yang ditentukan oleh Menteri.

(5) Tertakluk kepada Perlembagaan ini, Lembaga boleh menentukan tatacaranya sendiri.

### **Penjalanan sementara fungsi Pengerusi**

18. (1) Menteri boleh melantik mana-mana ahli Lembaga, selain Naib Canselor untuk menjalankan fungsi Pengerusi semasa apa-apa tempoh yang Pengerusi oleh kerana apa-apa sebab tidak dapat menjalankan fungsinya atau semasa apa-apa tempoh kekosongan dalam jawatan Pengerusi.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), jika Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mesyuarat Lembaga, maka ahli-ahli yang menghadiri mesyuarat itu hendaklah memilih salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(3) Seseorang ahli yang dilantik sebagai Pengerusi di bawah subseksyen (1) atau dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat di bawah subseksyen (2) hendaklah, semasa tempoh dia menjalankan fungsi Pengerusi atau mempengerusikan mesyuarat, mengikut mana-mana yang berkenaan, disifatkan sebagai Pengerusi.

### **Fungsi dan Kuasa Lembaga**

19. (1) Lembaga hendaklah menjadi badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan atau Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain Universiti.

(2) Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubung dengan apa-apa perkara dalam kuasa Senat, tetapi Lembaga boleh menghantar pendapatnya kepada Senat mengenai apa-apa perkara dalam kuasa Senat, bagi pertimbangan Senat.

(3) Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah:

- (a) mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi Universiti;
- (b) menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi Universiti;
- (c) membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri;
- (d) memupuk hubungan global dan keantarabangsaan berhubung dengan pengajian tinggi dan penyelidikan; dan



- (e) memastikan pelaksanaan Perlembagaan, undang-undang dan dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak Berkuasa, Jawatankuasa, pegawai atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.

### **Jawatankuasa Lembaga**

19A. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Lembaga hendaklah memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa.

(4) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Pelantikan mana-mana ahli sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga, dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

(6) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis yang ditujukan kepada Pengerusi Lembaga.

(7) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keahlian sesuatu jawatankuasa.

(8) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Lembaga.

(9) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.

(10) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan:

- (a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
- (b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga secepat yang dapat dilaksanakan.

(11) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatnya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(12) Ahli sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (11) boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(13) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

# Keanggotaan Lembaga Pengarah dalam Jawatankuasa

Bil.	Nama	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	Bil. JK bagi setiap Ahli
1	YBhg. Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Maftar	✓								✓								✓			3/19
2	YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani	✓		✓		✓	✓		✓		✓	✓					✓	✓			11/19
3	YBhg. Dato' Wan Shahrudin Wan Mahmood	✓	✓						✓					✓					✓		6/19
4	YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff (Wakil KPM)					✓	✓		✓						✓			✓			6/19
5	Pn. Nor Eni Ismail (Wakil MoF)							✓				✓				✓		✓			8/19
6	YBhg. Dato' Muzammil Mohamad	✓	✓	✓						✓	✓							✓			6/19
7	YBhg. Dato' Noraslina Datuk Zainal Abidin										✓						✓				4/19
8	Prof. Dr. Mohd Zaini Abd Karim (Wakil Senat) (sehingga 19/6/2021)	✓	✓							✓	✓	✓	✓						✓		6/19
9	Pn. Nazira Abdul Rahim		✓							✓	✓	✓	✓						✓		7/19
10	YBrs. Encik Khairul Azwan Harun		✓			✓						✓	✓	✓					✓		7/19
11	YB. Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim					✓	✓	✓				✓	✓	✓		✓	✓	✓			7/19
12	Pendaftar	✓					✓	✓		✓	✓	✓	✓	✓		✓	✓	✓			13/19
13	TNC(A&A)		✓			✓															2/19
14	TNC(P&I)					✓		✓	✓				✓							✓	5/19
15	TNC(HEP)					✓															1/19
16	Bendahari					✓		✓	✓												4/19
17	PUU																				
	Bil. AL P dan Ex-Officio	6/17	5/17	4/17	5/17	8/17	5/17	6/17	6/17	5/17	5/17	5/17	5/17	4/17	5/17	5/17	5/17	6/17	3/17	3/17	

■ Pengerusi
 ■ JK Asal
 ■ JK Baharu
 ■ Pindaan

Nota:  
 Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko digabungkan.  
 Cadangan Wakil BoD dalam Anak Syarikat Universiti adalah seperti saranan PUU




## Penyataan Kawalan Dalaman

Penyataan Kawalan Dalaman menetapkan struktur utama sebagai landasan kerja Lembaga Pengarah untuk mendorong standard tertinggi dalam pengurusan dan pelaporan kewangan Bank serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Standard kecekapan operasi yang tinggi seperti ini dicapai dengan mewakilkan kuasa yang sesuai untuk jawatankuasa yang berbeza dalam Pengurusan dan secara kolektif melapor kembali kepada Lembaga Pengarah untuk memastikan risiko nyata dan tidak ketara dapat dikendalikan secara berkesan dan proaktif di seluruh organisasi.

Unit Audit Dalam, Universiti Utara Malaysia (UAD UUM) telah ditubuhkan pada 16 Julai 1987. Unit Audit Dalam bertanggungjawab terus kepada Naib Canselor secara pentadbiran dan kepada Jawatankuasa Audit secara fungsional. Peranan dan tanggungjawab Unit Audit Dalam serta Jawatankuasa Audit diperjelaskan dalam surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia bertarikh 21 Julai 1998 bertajuk "Garis Panduan mengenai peranan dan tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan.

## Jawatankuasa Audit Universiti Utara Malaysia

Jawatankuasa Audit UUM (JKA UUM) bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:



JKA UUM telah bersidang sebanyak lima (5) kali pada tahun 2021. Antara perkara yang dibincangkan adalah Rancangan Audit Tahunan, Laporan Audit UAD, Laporan Ketua Audit Negara dan Penyata Kewangan UUM. Ketua PTJ yang terlibat dengan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Prestasi akan memberikan penjelasan semasa mesyuarat mengenai tindakan

pembetulan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan berkaitan isu Audit yang dibangkit. Tarikh pelaksanaan Mesyuarat yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-58 Bil.1 Tahun 2021 pada 11 Februari 2021.  
Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-59 Bil.2 Tahun 2021 pada 25 Februari 2021.  
Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-60 Bil.3 Tahun 2021 pada 25 Mac 2021.  
Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-61 Bil.4 Tahun 2021 pada 29 Ogos 2021.  
Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-62 Bil.5 Tahun 2021 pada 10 Oktober 2021.

## Rancangan Audit Tahun 2021

Perancangan dan pelaksanaan pengauditan UAD UUM tahun 2021 adalah selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 yang menetapkan bahawa Unit Audit Dalam perlu mengemukakan jadual kerja pengauditan tahunan kepada Jawatankuasa Audit dan Naib Canselor untuk kelulusan. Rancangan Audit Tahun 2021 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Ke-57 Bil. 4 Tahun 2020 pada 16 Disember 2020 yang merangkumi tiga (3) pengauditan seperti berikut:

- (a) Pengauditan Pengurusan Kewangan (Jabatan/PTJ)
- (b) Pengauditan Prestasi Program/Aktiviti
- (c) Pemeriksaan Mengejut

## Pencapaian Unit Audit Dalam Tahun 2021

### 1 Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengauditan Pengurusan Kewangan bertujuan membantu pihak pengurusan mengenalpasti kawalan dalaman yang perlu ada dan berfungsi seperti yang ditetapkan bagi mengelak kehilangan dan pembaziran wang awam. Sebanyak 6 Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah dipilih untuk dilaksanakan Pengauditan Kewangan pada tahun 2021 yang meliputi enam (6) aspek kawalan utama, iaitu Pengurusan Organisasi, Pengurusan Bajet, Pengurusan Terimaan, Pengurusan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah serta Pengurusan Aset, Inventori dan Stor. PTJ yang dipilih adalah seperti berikut:

- (a) Pusat Pengajian Pendidikan (SOE)
- (b) Kolej Perniagaan (UUM-COB)
- (c) Pusat Sukan
- (d) Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM)
- (e) Unifilm Studio
- (f) Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)

Berdasarkan markah keseluruhan yang diperolehi oleh 6 PTJ yang dinilai dalam tahun 2021, sebanyak 2 PTJ memperoleh 4 bintang berada pada tahap baik dan 4 PTJ memperoleh 3 bintang pada tahap tidak memuaskan. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah diambil oleh PTJ terlibat berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh UAD manakala isu material yang dibangkitkan melalui Pengauditan Pengurusan Kewangan telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM.



## 2 Pengauditan Prestasi

Kecekapan dan keberkesanan dalam penggunaan sumber bagi sesuatu program/aktiviti boleh dinilai secara komprehensif dengan melaksanakan Pengauditan Prestasi terhadap program/aktiviti tersebut disamping dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi serta mencadangkan syor penambahbaikan yang sesuai melalui pengauditan yang dijalankan. Sebanyak dua (2) Pengauditan Prestasi Program/Aktiviti berkaitan Pengurusan Perolehan Ubat-ubatan di Pusat Kesihatan Universiti dan Pengurusan Buku di UUM Press telah dilaksanakan oleh UAD pada tahun 2021. Penemuan serta syor bagi Pengauditan Prestasi tersebut telah dikemukakan kepada PTJ terlibat untuk makluman dan tindakan penambahbaikan.

## 3 Pemeriksaan Mengejut

Pemeriksaan mengejut adalah satu pendekatan audit yang meliputi pemeriksaan yang dijalankan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada auditi. Objektif pemeriksaan mengejut adalah untuk menentukan sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga dibawah jagaan/seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat. Pemeriksaan mengejut telah dijalankan bagi tahun 2021 telah dijalankan terhadap PTJ berikut:

- (a) Jabatan Hal Ehwal Akademik (HEA)
- (b) Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD)
- (c) Jabatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan (JPP)
- (d) Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM)

## 4 Pelantikan Sebagai Juruaudit Pemarkahan

Unit Audit Dalam juga turut terlibat sebagai Juruaudit bagi Pertandingan Inovasi Dalam *The 2021 Edition Of International University Carnival On E-Learning (IUCEL 2021)* anjuran Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC)) pada 15 hingga 16 Jun 2021 (Selasa – Rabu) secara atas talian menerusi UTLC Virtual Competition Platform.

## 5 Khidmat Nasihat Yang Dijalankan Oleh Unit Audit Dalam

Di samping melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Pengauditan Prestasi di UUM, UAD UUM juga turut memberikan khidmat nasihat kepada staf UUM berhubung pematuhan terhadap peraturan UUM. Khidmat nasihat yang diberikan melalui ceramah, perbincangan dan panduan melaksanakan tugas dapat meningkatkan pemahaman staf berhubung peranan dan tanggungjawab mereka kearah peningkatan prestasi pengurusan kewangan UUM. Impak kepada pengauditan yang dijalankan oleh UAD UUM adalah peningkatan akauntabiliti dan tahap pematuhan oleh staf UUM kepada peraturan kewangan yang berkuatkuasa melalui program pengauditan yang berkesan.

# Laporan Tadbir Urus Korporat





## Laporan Pencapaian Prestasi Program, Aktiviti dan Projek

Pelan Strategik UUM 2021 memfokuskan kepada tiga agenda utama iaitu (1) *UUM Branding*, (2) *Management Reference Centre*, dan (3) *Quality Alumni*. Bagi mendukung agenda ini, enam (6) Teras telah dibangunkan:

- Teras 1 : Kecemerlangan Akademik
- Teras 2 : Kecemerlangan Penyelidikan
- Teras 3 : Kelestarian Komuniti & Penglibatan Industri
- Teras 4 : Kelestarian Kewangan
- Teras 5 : Kecemerlangan Perkhidmatan
- Teras 6 : Graduan Holistik



Daripada enam teras strategik UUM, terdapat 25 KPI yang menjadi tunjang utama dalam memastikan prestasi UUM. Pencapaian 25 KPI Pelan Strategik UUM 2021 menunjukkan seperti berikut:

Teras	No. KPI	Keterangan	Pencapaian
Kecemerlangan Akademik (Academic Excellence)	KPI 1	1a. QS World University Rankings 1b. QS World University Rankings - Under 50	511-520
	KPI 2	Number of Accredited/Certified Programme	31 (119%)
	KPI 3	Number of Schools Contributed to QS World University Rankings by Subject	8 (50%)
	KPI 4	Number of Postgraduate Students Intake	1,641 (80%)
	KPI 5	Number of International Students Intake	692 (126%)

Kecemerlangan Penyelidikan (Research Excellence)	KPI 6	Research Funding	RM10,008,747 (114%)
	KPI 7	Lead Investigator	63% (698)
	KPI 8	Publications in Scopus-indexed Journal	612 (25%)
	KPI 9	Citations in the Past 5 Years	14,336 (104%)
	KPI 10	Number of Intellectual Properties	242 (202%)
Kelestarian Komuniti & Penglibatan Industri (Sustainable Community & Industrial Engagement)	KPI 11	Community and Industrial Engagement Funding	RM1,564,415 (313%)
	KPI 12	Number of Events/ Programmes Related to Environment and Sustainability	494 (124%)
	KPI 13	Increase in Community's Knowledge, Skill and Income	31 (94%)
Kelestarian Kewangan (Financial Sustainability)	KPI 14	Investment in Property/Bond/Equity	RM5,449,612 (68%)
	KPI 15	Income Generated through Special Projects	RM580,400 (39%)
	KPI 16	Income Generated from Endowment	RM297,671(30%)
	KPI 17	Income Generated from Waqf and Donation	RM1,867,791(93%)
	KPI 18	Percentage in Cost Reduction	35%
Kecemerlangan Perkhidmatan (Service Excellence)	KPI 19	Percentage of Academic Staff with PhD	82%
	KPI 20	Percentage of Administrative Staff Undergo Job-related Training	95%
	KPI 21	Percentage of Customer Satisfaction Index	94%
	KPI 22	Percentage of Administrative Staff Achieving High Productivity Index	93%
Graduan Holistik (Holistic Graduates)	KPI 23	Percentage of Graduate Employability	70.25% (3,695)
	KPI 24	Percentage of Student Entrepreneurs	15% (2,609)
	KPI 25	Percentage of Alumnus Engagement with Alma Mater	1.24% (1,752)

## Analisis ke atas risiko utama (key risks) berdasarkan kegiatan utama

- 1 Kekurangan jaringan dengan rakan akademik dan majikan menyebabkan skor bagi *academic reputation* dan *employer reputation* menjadi rendah selain jumlah sitasi juga rendah.
- 2 Terdapat pelajar antarabangsa yang terpaksa menangguhkan pengajian kerana syarat penaja yang memerlukan pelajar hadir secara fizikal ke universiti tidak dapat dipenuhi.
- 3 Keadaan ekonomi semasa yang menyukarkan pelajar tempatan untuk menyambung pengajian dengan pembiayaan sendiri.
- 4 Sumber penajaan terhad berikutan kekangan ekonomi semasa.



- 5 Program trimester yang dijalankan menghadkan masa Pusat Pengajian untuk memfokuskan kepada penambahbaikan dan promosi program.
- 6 Promosi program yang dijalankan secara berpusat menyebabkan penglibatan oleh Pusat Pengajian agak terhad.
- 7 Universiti tertakluk kepada peraturan pelaburan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.
- 8 Kekangan ekonomi yang dihadapi menyukarkan agensi/industri/individu untuk memberikan komitmen kewangan.

### **Kemajuan pelaksanaan program, aktiviti dan projek**

Berdasarkan 25 KPI yang dilaporkan, 18 KPI telah menunjukkan pencapaian yang memuaskan. Manakala tujuh (7) KPI lagi berada di bawah 81%. KPI tersebut ialah *QS Ranking by subject* (KPI 3), jumlah pengambilan pelajar pasca siswazah (KPI 4), penerbitan di dalam jurnal *Scopus* (KPI 8), hasil pelaburan (KPI 14), projek khas (KPI 15), endowmen (KPI 16) dan peratus kebolehpasaran graduan (KPI 23).

### **Outcome dan impak bagi program, aktiviti dan projek ke atas kumpulan sasaran**

- 1 Pencapaian dalam ranking universiti iaitu QS Ranking dan Times Higher Education (THE) melonjakkan UUM ke peringkat yang lebih cemerlang
- 2 Kualiti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan dipertingkatkan.
- 3 Perancangan rapi sumber manusia memberi impak terhadap kualiti kerja staf
- 4 Hubungan di antara industri ditingkatkan dengan kerjasama yang lebih manfaat
- 5 Pengurusan kewangan yang lebih efisien
- 6 Penghasilan graduan yang berkualiti selaras dengan kehendak pasaran

### **Masalah yang dihadapi dalam melaksanakan setiap program, aktiviti atau projek serta langkah menanganinya**

- 1 Masalah seperti kesilapan dalam input data, kurang kefahaman dalam memberi maklumat, terdapat kesilapan dalam keperluan data sistem.
- 2 Perancangan pusat pengajian dan pusat tanggungjawab yang tidak selari dengan hala tuju perancangan strategik universiti sukar untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.
- 3 Sasaran yang ditetapkan adalah mengambil kira agenda semasa di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan agenda strategik universiti yang memerlukan perancangan yang teliti dalam memastikan pencapaian dapat dicapai.

## Penjelasan mengenai faktor yang mempengaruhi pencapaian prestasi, sama ada lebih baik, setara atau kurang memberangsangkan berbanding tahun-tahun terdahulu

Prestasi pencapaian Pelan Strategik UUM bagi tahun 2021 secara keseluruhannya adalah baik. Sekiranya penilaian dibuat berdasarkan merit CGPA, pencapaian Pelan Strategik UUM memperoleh skor purata 3.54 daripada jumlah skor keseluruhan, 4.00.

## Hala tuju dan perancangan untuk masa hadapan

Dalam memastikan perancangan hala tuju universiti bergerak seiring dengan kemajuan semasa. UUM telah merangka hala tuju dengan tema 'Menyokong Gagasan Gemilang Akademik dan Admin Holistik UUM'. Pelan Strategik UUM telah bermula pada Fasa Pertama (2011-2015), Fasa Kedua (2016-2020), Fasa Ketiga (2021-2025), Fasa Keempat (2026-2030) dan Fasa Kelima (2031-2035).

UUM telah menetapkan lima kategori penting dalam hala tuju universiti sebagai persediaan bagi mendepani cabaran mendatang. Kategori tersebut adalah reputasi yang melibatkan ranking universiti sehingga ke peringkat dunia, penajaan kewangan, pelajar pascasiswazah, rating dalam penyelenggaraan, dan keusahawanan.

Antara inisiatif UUM yang telah dirancang bagi membantu meningkatkan dan kecekapan perancangan hala tuju universiti adalah seperti berikut:

- 1 SQUARE - *Student, Quality, & Academic Reputation* - menfokuskan kepada akademik
- 2 RAPID: *Research, Publication, & Innovation Drive* - menfokuskan kepada penyelidikan, penerbitan dan inovasi
- 3 SQUAD: *Sustainable Quintuple Helix Collaboration* - menfokuskan kepada agenda komuniti dan jaringan industri
- 4 WISE: *Wealth Income Sustainable & Efficiency* - mengokuskan kepada kemampunan kewangan
- 5 SHARP: *Strategic Human Resources Management* - menfokuskan kepada sumber manusia staf pentadbiran dan akademik
- 6 GLIMEES: *Gratitude, Life-long learning, Integrity, Mutual respect & acceptance, excellence, effective & open communication, self-reflection* - menfokuskan kepada pembangunan mahasiswa.







# Hal Ehwal Antarabangsa



Pada tahun 2021, sejumlah 61 Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA) dan Perjanjian Penyelidikan (Research Agreement) telah ditandatangani antara UUM dengan pelbagai institusi dalam dan luar negara.

Bagi institusi dalam negara, UUM telah menandatangani sebanyak 38 memorandum iaitu MoA (3), MoU (23) dan Lol (12).

Manakala 23 lagi dibuat dengan institusi luar negara yang merangkumi 5 MoA dan 16 MoU, 1 Lol dan 1 Perjanjian Penyelidikan. Tujuan kerjasama meliputi pelbagai program seperti pertukaran pelajar, felo pelawat, program kerjasama, penyelidikan dan penganjuran seminar dan persidangan.

## HUBUNGAN LUAR TAHUN 2017 - 2021


	2017		2018		2019		2020		2021	
	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara
MoU	13	29	13	29	10	32	2	18	23	16
MoA	4	1	4	1	1	5	1	-	3	5
Perjanjian Penyelidikan	2	3	2	3	1	-	-	2	12	1
Lol	-	-	-	-	-	-	-	4	-	1
<i>Jumlah</i>	<i>19</i>	<i>33</i>	<i>19</i>	<i>33</i>	<i>12</i>	<i>37</i>	<i>3</i>	<i>24</i>	<i>38</i>	<i>23</i>

MoU - Memorandum Persefahaman

MoA - Memorandum Perjanjian

Lol - *Letter of Intent*

## HUBUNGAN LUAR TAHUN 2017 - 2021



## SENARAI MoU, MoA DAN LoI DENGAN INSTITUSI DALAM NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JENIS PERJANJIAN MOU/MOA
1	ACCA Malaysia Sdn. Bhd.	UUM COB - OYAGSB	MOA
2	Ambang Dorongan Sdn Bhd	UUM COB - SBM	MOU
3	Asian Institute of Chartered Bankers	UUM COB - SEFB	MOU
4	Aulad Pintar Education Sdn Bhd	UUM COB - SBM	MOU
5	Awfatech Global Sdn Bhd	UUM CAS - SOC	LOI
6	Bursa Malaysia Berhad	UUM COB - SEFB	MOU
7	CELCOM AXIATA BERHAD	CEDI (Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi)	MOU
8	DataScience Sdn. Bhd.	UUM CAS - SOC	LOI
9	Deloitte Consulting (SEA) SDN BHD	CUIC (Pusat Kerjasama Universiti-Industri)	LOI
10	E-Idaman Sdn Bhd	CETMA (Pusat Pengujian Pengukuran dan Penilaian)	MOU
11	Giggle Garage Sdn. Bhd.	UUM CAS - SMMTC	MOU
12	Golf Club Managers Association of Malaysia	Akademi Golf Nasional UUM	MOU
13	Institut Sosial Malaysia (ISM)	UUM CAS - SAPSP	MOU
14	Jabatan Perangkaan Malaysia	UUM CAS - SQS	MOU
15	Jelitasara Corporate Sdn Bhd	UUM COB - SBM	MOU
16	Koperasi Pembangunan Ekonomi Islam Negeri Kedah	UUM CAS - SOC	LOI
17	KPMG PLT.	CUIC (Pusat Kerjasama Universiti-Industri)	LOI
18	KWSP (Cawangan Gombak)	CUIC (Pusat Kerjasama Universiti-Industri)	LOI
19	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	UUM COB - TISSA	MOA
20	Lembaga Tabung Haji	CUIC (Pusat Kerjasama Universiti-Industri)	LOI
21	Majlis Daerah Selama	CUIC (Pusat Kerjasama Universiti-Industri)	LOI
22	Odd Technologies (M) Sdn. Bhd.	CUIC (Pusat Kerjasama Universiti-Industri)	LOI
23	OS Startup Sdn Bhd	UUM COB - SBM	MOU
24	Perbadanan Produktiviti Malaysia	IPQ (Institut Pengurusan Kualiti)	MOU
25	Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS)	CETMA (Pusat Pengujian Pengukuran dan Penilaian)	MOU
26	Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)	CUIC (Pusat Kerjasama Universiti-Industri)	MOU
27	PKT Logistics Sdn. Bhd.	UUM COB - STML	MOU
28	Professional Golf Association of Malaysia (PGAM)	Akademi Golf Nasional UUM	MOU
29	RIPPLE	CUIC (Pusat Kerjasama Universiti-Industri)	LOI
30	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)	UUM COLGIS - SOIS	MOU
31	Suruhanjaya Persaingan Malaysia	UUM COLGIS - SOL	MOU
32	Talent Corporation Malaysia Berhad	CUIC (Pusat Kerjasama Universiti-Industri)	MOU
33	The Association Of Chartered Certified Accountants	UUM COB - TISSA	MOA
34	The Chartered Institute of Islamic Finance Professionals	UUM COB - IBS	MOU
35	The Malaysian Insurance Institute (MII)	UUM COB - SEFB	MOU
36	Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat	LOI
37	Universiti Kebangsaan Malaysia	UUM COLGIS - SOL	MOU
38	Universiti Teknologi MARA, Caw. Kedah	Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat	LOI



## SENARAI MoU, MoA, PERJANJIAN PENYELIDIKAN DAN LOI DENGAN INSTITUSI LUAR NEGARA

BIL	NAMA AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JENIS PERJANJIAN
1	Bahauddin Zakariya University	UUM COB - SEFB	MOU
2	Hong Kong University Of Science & Technology	UUM CAS - SOC	LOI
3	Institut Pertanian Bogor	UUM COB - STML	MOU
4	Ipag Business School	UUM COB - TISSA	MOU
5	Khon Kaen University	UUM COB - SBM	MOU
6	Prince of Songkla University	Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat	Research Agreement
7	Prince of Songkla University	UUM COLGIS - SOL	MOU
8	Princess of Naradhiwas University	UUM COB - STML	MOU
9	Rangsit University	UUM CAS - SOC	MOU
10	Sekolah Tinggi Pariwisata Mataram	UUM COLGIS - STHEM	MOU
11	Shibaura Institute of Technology	UUM CAS - SOC	MOU
12	Siberian Federal University (SibFU)	UUM CAS - SOC	MOU
13	Srusti Academy of Management	UUM COLGIS - STHEM	MOU
	Pengawal Keselamatan (TBK)(KP14)	4
	Penolong Akauntan (TBK) (W32)	4
	Penolong Akauntan (TBK2) (W36)	1
	Penolong Akauntan (W36)	1
	Penolong Pegawai Farmasi (TBK) U32	1
	Penolong Pegawai Penerbitan (TBK) N32	2
	Penolong Pegawai Perubatan (TBK) U32	1
	Penolong Pegawai Tadbir (TBK) (N32)	2
	Penolong Pengurus Asrama (TBK) (N32)	2
	Pereka (TBK) (B22)	1
	Pereka (TBK) (B32)	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>172</b>

## Statistik Staf: Staf Akademik

Jumlah tenaga akademik pada tahun 2021 adalah sebanyak 1,239 orang dengan pecahan 68 orang Profesor, 297 orang Profesor Madya, 611 orang Pensyarah Kanan, 124 orang Pensyarah, 64 orang Guru Bahasa dan 60 orang Tutor, tujuh orang Postdoc, 6 orang Felo Universiti dan dua orang *Joint appointment Academic Scheme (JAAS)*.




### Statistik Staf Akademik

# 1,239

Kumpulan	Jumlah
Profesor	68
Profesor Madya	297
Pensyarah Kanan	611
Pensyarah	124
Guru Bahasa	64
Tutor	60
Postdoc	7
Felo	6
Joint Appointment Academic Scheme (JAAS)	2
<b>Jumlah</b>	<b>1,239</b>

Statistik Staf Akademik Tahun 2021



Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

Jawatan Akademik	Jawatan Hakiki (Penuh)	AGN UUM	OYAGSB	GSGSG	Pu AsP	RIMC	UUM CAS	UUM COB	UUM COLGIS	UUM KL	Jumlah
Profesor	Pensyarah Universiti (VK5)	-	-	-	-	-	1	-	1	-	2
	Pensyarah Universiti (VK6)	-	-	-	-	-	1	2	-	-	3
	Pensyarah Universiti (VK7)	-	5	-	-	-	21	25	9	1	61
	Bursa Chair Professor	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1
	Distinguished Visiting Professor	-	-	-	-	1	-	-	-	-	1
Profesor Madya	Pensyarah Universiti (DS53)	-	-	-	-	-	5	2	1	1	9
	Pensyarah Universiti (DS54)	-	4	-	-	-	90	132	55	4	285
	International Lecturer (Assoc Professor)	-	1	-	-	-	-	1	1	-	3
Pensyarah Kanan	Pensyarah Universiti (DS52)	-	-	-	-	-	128	133	43	4	308
	Pensyarah Universiti (DS51)	-	4	-	-	-	101	109	48	2	264
	International Lecturer (Senior)	-	3	-	-	-	13	18	5	-	39
Pensyarah	Pensyarah Universiti (DS45)	1	-	-	2	-	52	37	26	-	118
	International Lecturer	-	-	-	-	-	2	3	1	-	6
Guru	Guru Bahasa (DG41)	-	-	-	2	-	32	-	-	-	34
	Guru Bahasa (DG44)	-	-	-	-	-	20	-	-	-	20
	Guru Bahasa (DG48)	-	-	-	-	-	10	-	-	-	10
Postdoc	Postdoctoral (Scheme A)	-	-	1	-	-	1	-	-	-	2
	Postdoctoral (Scheme B)	-	-	-	-	-	1	1	-	-	2
	Postdoctoral (Scheme C)	-	-	-	-	-	-	1	2	-	3
Joint Appointment Academic Scheme		-	-	-	-	-	1	1	-	-	2
Tutor	Tutor (DA41)	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1
	Tutor (Tanpa Skim)	1	-	-	-	-	20	23	15	-	59
Felo	Felo Universiti (Kategori DS45)	1	-	-	-	-	2	-	-	-	3
	Felo Universiti (Kategori DS51)	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1
	Felo Universiti (Kategori DS54)	-	-	-	-	-	-	-	2	-	2
<b>Jumlah</b>		<b>3</b>	<b>17</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>1</b>	<b>501</b>	<b>489</b>	<b>210</b>	<b>13</b>	<b>1239</b>




## Statistik Staf: Pensyarah Pelawat

Jumlah Pensyarah Pelawat tahun 2021 sebanyak 63 orang dengan pecahan orang 2 Profesor, 3 orang Profesor Madya, 39 orang Pensyarah Kanan, 6 orang Pensyarah Antarabangsa, 3 orang guru bahasa, 6 orang dari Postdoctoral, 2 orang dari *Joint Appointment Academic Scheme* dan 2 orang Felo Universiti.

Jawatan Akademik	Jawatan Hakiki (Penuh)	OYAGSB	GSGSG	RIMC	UUM CAS	UUM COB	UUM COLGIS	Jumlah
Profesor	Bursa Chair Professor					1		1
	Distinguished Visiting Professor			1				1
Profesor Madya	International Lecturer (Assoc Professor)	1				1	1	3
Pensyarah Kanan	International Lecturer (Senior)	3			13	18	5	39
Pensyarah	International Lecturer				2	3	1	6
Guru	Guru Bahasa (DG41)				3			3
Postdoc	Postdoctoral (Scheme A)		1		1			2
	Postdoctoral (Scheme B)				1			1
	Postdoctoral (Scheme C)					1	2	3
JAAS	Joint Appointment Academic Scheme				1	1		2
Felo	Felo Universiti (Kategori DS45)				2			2
<b>Jumlah</b>		<b>4</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>23</b>	<b>25</b>	<b>9</b>	<b>63</b>

Statistik Pensyarah Pelawat Tahun 2021



Dalam menuju ke arah Universiti yang bertaraf dunia, seramai 24 tenaga akademik sedang melanjutkan pengajian untuk mengikuti program peringkat PhD dan juga ke peringkat Sarjana.

Jabatan Hakiki	Profesor		Profesor Madya		Pensyarah Kanan		Pensyarah		Guru		Postdoc		JAAS		Tutor		Felo		Jumlah	
	SA	MP	SA	MP	SA	MP	SA	MP	SA	MP	SA	MP	SA	MP	SA	MP	SA	MP	SA	MP
AGN UUM							1								1	1			2	1
OYAGSB	5		5		7														17	0
GSGSG											1								1	0
Pu AsP							2		2										4	0
RIMC	1																		1	0
UUM CAS	23		95		242		53	1	62		2		1		10	10	2		490	11
UUM COB	28		135		260		40				2		1		18	5			484	5
UUM COLGIS	10		57		95	1	27				2				10	6	2		203	7
UUM KL	1		5		6												1		13	0
<b>Grand Total</b>	<b>68</b>		<b>297</b>		<b>610</b>	<b>1</b>	<b>123</b>	<b>1</b>	<b>64</b>		<b>7</b>		<b>2</b>		<b>38</b>	<b>22</b>	<b>6</b>		<b>1215</b>	<b>24</b>

\*SA - Sedia ada

\*MP - Melanjutkan pengajian (cuti belajar)


## Statistik Staf: Staf Pentadbiran

Bagi tahun 2021, jumlah staf pentadbiran adalah seramai 1,694 orang (tidak termasuk staf sambilan) dengan taburan penempatan seramai 955 di jabatan, 242 orang di kolej dan lebih 497 di Pusat/Institut/Unit.



### Statistik Staf Pentadbiran

# 1,694



### Staf Pentadbiran di Jabatan

Jabatan	Jumlah
Jab. Pembangunan dan Penyenggaraan	226
Jabatan Bendahari	61
Jabatan Canselori	70
Jabatan Hal Ehwal Akademik	46
Jabatan Hal Ehwal Pelajar	210
Jabatan Keselamatan	111
Jabatan Pendaftar	110
Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan	17
Perpustakaan Sultanah Bahiyah	104
<b>Grand Total</b>	<b>955</b>

### Staf Pentadbiran di Kolej

Kolej Akademik	Jumlah
Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences	18
Ghazali Shafie Graduate School of Government	9
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business	9
UUM College of Arts and Sciences	96
UUM College of Business	68
UUM College of Law, Government and International Studies	42
<b>Grand Total</b>	<b>242</b>

## Staf Pentadbiran di Institut/Pusat

Institut/Pusat	Jumlah
Akademi Golf Nasional UUM	8
Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi	13
Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad	9
Institut Pengurusan Kualiti	20
Institut Penyelidikan Pengurusan & Perniagaan	7
Medical Diagnostic Universiti Utara Malaysia	8
OYAGSB Kuala Lumpur	1
Pusat Alumni	5
Pusat Asasi Pengurusan	6
Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa	16
Pusat Inovasi dan Pengkomersilan	6

Institut/Pusat	Jumlah
Pusat Islam	21
Pusat Kerjasama Universiti-Industri	20
Pusat Kesihatan Universiti	54
Pusat Kokurikulum	12
Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti	10
Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian	4
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	30
Pusat Sukan	27
Unifilm Studio UUM	15
UUM Information Technology	144
UUM Kampus Kuala Lumpur	17
UUM Press	44
<b>Grand Total</b>	<b>497</b>

## Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 (Terima Tahun 2021)


Seramai 236 orang staf UUM menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 yang berlangsung pada tahun 2021 yang bermatlamat mengiktiraf sumbangan dan sokongan staf universiti kepada pembangunan universiti ini. Daripada jumlah tersebut seramai 76 orang adalah staf akademik, 24 orang staf pengurusan dan profesional dan 136 orang staf pelaksana.



### Penerima Anugerah Cemerlang 2021

# 236

Kategori Jawatan	Kumpulan	Jumlah
Akademik	Pengurusan dan Professional	76
Pentadbiran	Pengurusan dan Professional	24
	Pelaksana	136
<b>Grand Total</b>		<b>236</b>





# LAPORAN PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

1

## RMKe-10: Pembinaan Dewan Serbaguna UUM.

Kos siling asal yang diluluskan adalah sebanyak RM7,500,000.00 dan kos siling baru (Tambahan peruntukan dari baki projek RMK) adalah sebanyak RM 17,000,000.00

Projek Pembinaan Dewan Serbaguna dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 19 Mei 2021 dan tarikh jangka siap baru selepas Lanjutan Masa no.1 ialah pada 14 November 2023. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2021 ialah 5% berbanding jadual 5%.



Pandangan Perspektif Dewan Serbaguna



Gambar-gambar Kemajuan Kerja Tapak Dewan Serbaguna

2

### RMKe-10: Pembinaan Pusat Kegiatan Ko-Kurikulum

Kos siling asal yang diluluskan adalah sebanyak RM8,000,000 dan kos siling baru (Tambahan peruntukan dalaman Universiti) adalah sebanyak RM 9,000,000.00

Projek Pembinaan Pusat Kegiatan Ko-Kurikulum dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 1 Ogos 2019 dan tarikh jangka siap baru selepas Lanjutan Masa no.4 ialah pada 18 April 2022. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2021 ialah 60% berbanding jadual 80%.



Pandangan Perspektif Pusat Ko-Kurikulum



Gambar-gambar Kemajuan Kerja Tapak Pusat Ko-Kurikulum



3

### RMKe-11: Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar, UUM COLGIS

Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM41,500,000.00.

Projek Pembinaan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar UUM COLGIS dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 29 November 2017 dan tarikh jangka siap baru selepas Lanjutan Masa ke-6 ialah pada 26 Januari 2022. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2021 ialah 94% berbanding jadual 94%.



Gambar Lakaran Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar UUM COLGIS



Gambar Kemajuan Pembinaan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar UUM COLGIS



4

### RMKe-11: Tambahan Bangunan Pusat Komputer

Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM18,000,000.00.

Projek Tambahan Bangunan Pusat Komputer dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 27 Jun 2019 dan tarikh jangka siap baru selepas Lanjutan Masa ke-3 ialah pada 3 Februari 2022. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2021 ialah 49% berbanding jadual 67%.



Gambar Lakaran Tambahan Bangunan UUMIT



Gambar Kemajuan Pembinaan Tambahan Bangunan UUMIT



5

**RMKe-11 (RP4 2019 - 2020): Pembinaan Pencawang Pembahagi Utama 11kV bagi Mengganti Pencawang Utama 11kV Sediada di UUM.**

Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM6,000,000.00.

Projek Pembinaan Pencawang Pembahagi Utama 11 Kv Bagi Mengganti Pencawang Sediada Di UUM dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 18 Jun 2020 dan tarikh siap pembinaan pada 10 September 2021.



Gambar Pembinaan Pencawang Pembahagi Utama 11 Kv Bagi Mengganti Pencawang Sediada Di UUM

6

**RMKe-11 (RP4 2019 - 2020): Menaiktaraf Infrastruktur Dan Sistem Mekanikal, Elektrikal Serta Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) Dewan Kuliah Gugusan (DKG) 1, 2 dan 3.**

Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM21,836,000.00.

Projek Menaiktaraf Insfrastruktur Dan Sistem Mekanikal, Elektrikal, Serta Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) di Dewan Kuliah Gugusan (DKG 1, 2 dan 3) dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 12 Oktober 2021 dan tarikh jangka siap pada 8 April 2024. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2021 ialah 2% berbanding jadual 2%.



Gambar Kemajuan Menaiktaraf Insfrastruktur Dan Sistem Mekanikal, Elektrikal, Serta Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) di Dewan Kuliah Gugusan (DKG 1, 2 dan 3)





7

## RMKe-11 (RP4 2019 - 2020): Kerja-kerja Menaiktaraf Permukaan Jalan Di Dalam Kampus UUM.

Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM7,000,000.00

Projek Kerja-Kerja Menaiktaraf Permukaan Jalan di Dalam Kampus UUM dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 17 Februari 2020 dan tarikh siap pembinaan pada 31 Januari 2021.



Gambar Projek Kerja-Kerja Menaiktaraf Permukaan Jalan di Dalam Kampus UUM




8

## RMKe-11 (RP4 2019 - 2020): Menaiktaraf Infrastruktur dan Infostruktur Teknologi Maklumat (IT) UUM

Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM8,500,000.00


Projek Menaiktaraf Insfrastruktur dan Infostruktur Teknologi Maklumat (IT) Di UUM dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 01 Ogos 2019 (1st sub projek) dan tarikh siap pembinaan pada 31 Disember 2020.



Sub Projek 1 - Menaiktaraf Perkakasan Rangkaian Kampus UUM




Sub Projek 2 - Menaiktaraf Server Sistem Maklumat Utama Universiti




Sub Projek 3 - Menaiktaraf Suis Utama Rangkaian Pusat Data



Sub Projek 4 - Menaiktaraf Peralatan WiFi UUM



Sub Projek 5 - Menaiktaraf Sistem Pemantauan dan Keselamatan Infrastruktur IT



Sub Projek 6 - Pembangunan Sistem Pengurusan Klinik


Gambar Projek Menaiktaraf Insfrastruktur dan Infostruktur Teknologi Maklumat (IT) Di UUM

## 9

**RMKe-11 (RP4 2020): Penggantian dan Perolehan Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran**

Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM4,000,000.00

Projek Penggantian dan Perolehan Peralatan Pengajaran Dan Pembelajaran dilaksanakan UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 27 September 2020 dan tarikh siap pembinaan pada 20 November 2021.



Gambar Penggantian dan Perolehan Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran




## Projek Pembangunan Khas

### Cadangan Membina dan Menyiapkan Kelab Golf UUM

Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM5,000,000.00

Projek Cadangan Membina dan Menyiapkan Kelab Golf UUM dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 19 Mei 2021 dan tarikh jangka siap pembinaan pada 19 November 2022. Peratus kemajuan semasa pada 1 Disember 2021 ialah 6.57% berbanding jadual 17%.



Gambar-gambar di tapak projek membina dan menyiapkan Kelab Golf UUM







# Hal Ehwal Pelajar dan Keusahawanan



## ASEAN Leadership Dialogue 2021 (LEAD 2021)

ASEAN Leadership Dialogue 2021 (LEAD 2021) merupakan sebuah program unggulan tahunan yang telah dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Utara Malaysia (MPP UUM) bertarikh 12 September 2021 hingga 25 September 2021. Seramai 3,151 peserta daripada bukan sahaja negara-negara ASEAN tetapi juga dari Australia, Korea Selatan, India dan Jepun telah turut serta secara atas talian bagi program ini dan bilangan penonton tertinggi yang dapat dicapai semasa program LEAD 2021 berlangsung adalah lebih dari 10,000 penonton.

Sebanyak 115 institusi pengajian tinggi dari serata dunia telah turut berganding bahu dalam mempromosikan program ini dan rakan strategik yang terlibat sepanjang program

ini berlangsung adalah GoToko, Espressolab, Maybank, Bursa Malaysia, Shell, Lazada, Marrybrown, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Deloitte, Foodabox, AEON dan rakan kerjaya kami Graduan.



## Kejohanan Inter Inasis E-Sports League 2021 (IIESL2021)

Kejohanan ini berlangsung selama tiga (3) hari iaitu pada 7 Mei 2021 hingga 9 Mei 2021 bersamaan hari Khamis hingga Sabtu yang melibatkan secara terbuka kepada semua pelajar di UUM dan juga seluruh pelajar di Malaysia. Dalam kejohanan ini, aktivitinya lebih tertumpu kepada permainan sukan elektronik iaitu FIFA21, Mobile Legends: Bang Bang dan PlayerUnknown's Battlegrounds yang terbuka kepada semua pelajar lelaki dan pelajar wanita. Acara ini akan dilaksanakan secara atas talian dan sebahagian sesi akan dilaksanakan secara fizikal iaitu di Dewan SAC, UUM.

Kejohanan ini adalah sebagai satu medan untuk mencungkil bakat, kepakaran pelajar

dan mewujudkan sifat berdaya saing dalam kalangan pelajar serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara satu sama lain.

Program ini telah berjaya meraih lebih 700 atlet bagi penyertaannya dan juga berjaya menarik minat lebih 10 rakan strategik dan penaja dalam dan luar negara antaranya ialah Moonton Shanghai, Tencent South East Asia, Marrybrown, Hala Kiri dan banyak lagi.

Jumlah keseluruhan hadiah pemenang juga antara yang tertinggi dalam sejarah penganjuran program sukan di peringkat IPTA iaitu sebanyak RM11,000.00.





## Tahniah kepada Pemenang Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan 2020.



UUM telah berjaya memenangi enam kategori dari sepuluh orang finalis dalam Anugerah Tokoh Siswa (ATS) 2020 yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Enam kategori tersebut ialah Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar, Kepimpinan Sukarelawan (Alam Sekitar), Badan Majlis Perwakilan Pelajar Terbaik, Fakulti/Persatuan/Kelab Terbaik, Anugerah Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi bagi kategori individu dan berkumpulan.

ATS merupakan platform terbaik untuk mengiktiraf dan memberi galakan kepada kepimpinan mahasiswa yang telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan yang holistik dan kompeten selain bertindak sebagai kayu ukur

kecemerlangan pelajar melalui penganjuran program berimpak tinggi.

Anugerah ATS anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi ini membuka peluang kepada mahasiswa untuk bersaing secara sihat dan terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan sahsiah di IPT bagi melahirkan insan yang seimbang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dari aspek kepimpinan dalam pelbagai bidang.

Majlis ATS ini diadakan pada 9 November 2021 melalui Facebook rasmi Kementerian Pendidikan Tinggi.

## Structured Entrepreneurial Incubator Program (SEIP)

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) selaku penyelaras utama telah melancarkan satu program inkubator yang diberi nama Structured Entrepreneurial Incubator Program (SEIP). Program yang berlangsung selama 1 tahun ini telah disertai oleh peserta UUM dan juga mentor perniagaan di kalangan pensyarah UUM bagi kategori Industri Kreatif. Program ini disambut baik oleh pelajar UUM yang telah disertai oleh seramai 20 orang pelajar yang merangkumi 7 perniagaan/projek yang berasaskan industri kreatif.

Sepanjang program ini berlangsung, peserta diberi bimbingan secara teori dan praktikal oleh mentor-mentor dan tenaga pengajar yang dilantik oleh pihak CEDI. Menerusi program ini



juga, peserta berpeluang menyertai Bootcamp yang diadakan bertempat di UMK selama 4 hari 3 malam. Peserta diberi peluang untuk mengadakan 'Product Exhibition' dan sesi 'pitching' semasa Bootcamp tersebut.

## BSC 2021 Platform Ketengahkan Bakat Keusahawanan Pelajar IPTA

Sebagai usaha untuk memperkasakan agenda keusahawanan negara, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) telah menganjurkan Pertandingan Simulasi Perniagaan (BSC) IPTA Peringkat Kebangsaan 2021.

Pertandingan yang bermula pada Februari lalu disertai 19 Universiti Awam dan 1 Politeknik yang manakesemua pesertamembuat pembentangan

di hadapan sekumpulan pembekal modal usaha niaga untuk mendapatkan dana awal. Walau bagaimanapun, hanya enam universiti yang berjaya mara ke peringkat simulasi untuk dinilai panel berwibawa terdiri wakil agensi dan pemain industri.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah telah disempurnakan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad di Hotel Sunway Putra pada 7 Disember 2021.



## Pemenang Anugerah Keusahawanan KPT 2021

Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui pencalonan Alumni UUM iaitu Saudari Norliana Binti Noordin telah berjaya meraih tempat kedua Anugerah Perusahaan Graduan Terbaik membawa pulang RM15,000 dan dan pelajar UUM Wong Wei Qi telah berjaya memenangi tempat kedua untuk kategori Anugerah Keusahawanan Sosial Terbaik membawa pulang hadiah bernilai RM10,000.00

Anugerah ini sempena Majlis Anugerah Keusahawanan (AKKPT21), telah diadakan di Putrajaya Marriott Hotel, pada 22 Disember 2021. Anugerah telah disampaikan YBM Dato' Seri Dr. Noraini Ahmad.





## Pelajar TISSA-UUM Terus Rekod Pencapaian Terbaik Negara dan Dunia

Sekali lagi, pelajar Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat), Looi Pui Mun dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) menjulang nama Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan pencapaian terbaharunya apabila disenaraikan pada kedudukan ketiga dunia selepas memperolehi markah tertinggi di Malaysia bagi kertas Advanced Performance Management (APM) bulan Disember 2020.

Pada tahun lalu, Looi Pui Mun memperolehi markah tertinggi di Malaysia dan ketujuh di dunia dalam peperiksaan Strategic Business Reporting (SBR) bagi bulan Mac dan berada di tempat ketiga memperolehi markah tertinggi di Malaysia untuk kertas Strategic Business Leader (SBL) bagi bulan September.

Pencapaian ini secara tidak langsung membuktikan program perakaunan UUM adalah setanding dengan universiti terkemuka dunia dan selaras dengan hasrat negara menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan dunia yang terbaik.



Pelajar program perakaunan di TISSA-UUM menerima 'exemption' maksimum daripada ACCA melalui Skim ACCA Accelerate dan mereka hanya perlu menduduki baki empat peperiksaan profesional ACCA sahaja.

Pelajar di TISSA-UUM yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Perakaunan di UUM kampus Sintok dan Kuala Lumpur boleh menduduki program badan profesional perakaunan seiring dengan pengajian ijazah perakaunan mereka.

## Pelajar UUM Sertai Persidangan Bertaraf Antarabangsa

Pelajar UUM terpilih menyertai program 'Asia Africa International Model United Nations' bertemakan 'Preserving Culture And Heritage In A Dynamic In A Digital World' yang pada bermula 15 Januari 2021.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kewangan, Muhammad Saniy Samsudin berkata, program anjuran International Global Network merupakan platform untuk pembangunan diri, memberi pendedahan dalam bidang akademik dan kepimpinan di peringkat antarabangsa.

Program ini dapat mengasah bakat komunikasi, kepimpinan, akademik, penulisan dan kemahiran berfikir secara kritikal menambah kematangan dalam mengurus, membantu universiti, organisasi dan masyarakat.



Seramai 640 peserta dari pelbagai negara terpilih sebagai delegasi dan bertekad melakukan yang terbaik demi mengharumkan nama Malaysia khususnya UUM di persada antarabangsa.



## UUM Ungguli Anugerah 'The Best Cultural Performance'

Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Pusat Budaya dan Seni (PBS) telah mengungguli Anugerah 'The Best Cultural Performance' melalui persembahan Tarian Klasik Negeri Kedah Inang Renek pada 1st Virtual IMT-GT Varsity Carnival 2021 anjuran Majlis Varsity IMT-GT yang berlangsung selama lima hari bermula 27 September hingga 1 Oktober 2021.

Anugerah itu diberi kepada persembahan terbaik dengan mengambil kira semua aspek termasuk komitmen dalam kumpulan, latihan dan kombinasi antara universiti dalam mewakili negara yang terlibat.

Kejayaan Kumpulan Kebudayaan UUM yang diwakili oleh 10 orang Creative Talent Performance itu akan menjadi pemangkin agar terus maju ke hadapan, di samping mengharumkan nama UUM di persada antarabangsa.

1st Virtual IMT-GT Varsity Carnival 2021 menampilkan Universitas Syiah Kuala, Aceh Indonesia (USK) sebagai tuan rumah dan antara



universiti yang mengambil bahagian ialah Prince of Songkhla University (PSU), Thaksin University (TSU), Rajamangala University of Technology Srivijaya (RUTS) dan Walailak University (WU) dari Thailand; Universiti Sumatera Utara (USU), Universiti Negeri Medan (UNIMED) dan Institut Teknologi Medan (ITM) Universitas Syiah Kuala (USK) dari Indonesia, manakala Malaysia diwakili Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Arau dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

## Pelajar BPLB Rangkul Johan Pidato Peringkat Kebangsaan Tiga Kali Berturut-Turut

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Falsafah, Undang-Undang dan Perniagaan (BPLB), Mohammad Daniel Mohammad Ismail telah mengharumkan nama Universiti Utara Malaysia (UUM) apabila berjaya merangkul gelaran johan pidato peringkat kebangsaan sebanyak tiga kali berturut-turut pada 2021.

Mohammad Daniel menzahirkan rasa syukur dan gembira setelah membuktikan bakat yang dimilikinya tidak sia-sia, sekali gus dia berjaya menjulang nama UUM dengan kemenangan itu.

Anak kelahiran Sabak Bernam, Selangor itu merangkul gelaran johan bagi Pertandingan Pidato Perpaduan dengan menerima hadiah wang tunai RM300 dan Pertandingan Pidato Asean 3.0 dengan hadiah wang tunai RM200 yang dianjurkan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), manakala johan bagi Pertandingan Pidato Zeroes 3.0 anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA) dengan membawa pulang wang tunai RM150.



## Pasukan SM ENT, TISSA-UUM Rangkul Tempat Ketiga Pertandingan MICPA


SM ENT dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) telah mengharumkan nama Universiti Utara Malaysia (UUM) apabila berjaya berada di tempat ketiga pada Pertandingan Business Case Challenge (Degree Level) anjuran The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) sempena MICPA Accountancy Week 2021.

Pertandingan tahunan yang disertai pelajar program perakaunan dari universiti awam seluruh Malaysia itu memberi peluang kepada para peserta untuk menonjolkan kemahiran dalam mengupas isu perniagaan, memberi

solusi dan membentangkan idea kepada panel juri yang terdiri daripada kalangan pengamal industri.

Pasukan SM ENT telah diwakili oleh Nur Iman Syuhada Saad, Sarah Kamarun Nisham, Nur Hafizah Khairuddin dan Nur Hakimah Khairuddin.

Kejayaan mereka itu membolehkan UUM membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM300 dan juga penajaan biasiswa bagi meneruskan program perakaunan profesional di bawah MICPA.



## UUM Johan Pertandingan Pengucapan Awam Bahasa Mandarin Peringkat Kebangsaan

“Kejayaan bukan hanya suatu destinasi, tetapi perjalanan yang memerlukan azam dan usaha untuk mencapai kejayaan”.

Begitulah kata-kata Johan Pertandingan Pengucapan Awam Bahasa Mandarin kategori penutur jati, Wang Jin Lin, pelajar dari Pusat Pengajian Undang-undang (SOL) setelah bergelar johan serta menerima wang tunai RM500, e-sijil beserta piala.

Selain menjadi johan bagi kategori penutur jati, seorang lagi peserta dari UUM, Nurul Hanna Izanti Shukor dari Pusat Pengajian Pelancongan, Hospitaliti dan Pengurusan Acara (STHEM) turut memenangi tempat pertama bagi kategori bukan penutur jati dalam pertandingan anjuran Unit Debat Mandarin, Kelab Pengucapan Awam dengan kerjasama UUM SELECT berkenaan, sekali gus menerima wang tunai RM300 dan e-sijil.



Selain UUM selaku tuan rumah, sebanyak 34 penyertaan dari 17 universiti turut menyertai pertandingan berkenaan yang dilaksanakan secara dalam talian.



## Sukarelawan Tersentuh Lihat Keadaan Mangsa Banjir

Perasaan hiba menyelubungi sukarelawan Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menyertai Misi Bantuan UUM@KPT sebaik tiba di lokasi berlakunya bencana banjir di negeri Selangor, pada penghujung Disember 2021.


Misi bantuan kali ini sangat menyentuh hati apabila melihat rumah-rumah mangsa banjir yang terjejas teruk. Banyak rumah di kawasan yang terlibat diselaputi lumpur tebal, harta benda termasuk kenderaan juga turut mengalami kerosakan.

Sukarelawan UUM hadir dengan empat bas, dua van dan sebuah kenderaan pacuan empat roda bagi membantu meringankan bebanan mangsa dengan mengagihkan tugas mengikut kumpulan.

Sukarelawan UUM menjalankan kerja membersihkan rumah-rumah mangsa banjir di Taman Sri Muda, Taman Sri Puteri dan Kampung Tengah Puchong. Di samping itu, pelajar UUM yang terjejas di sini turut dibantu.

Selain membersihkan rumah dan kawasan terjejas, sukarelawan UUM juga memberi sumbangan kepada mangsa banjir seperti air minuman, makanan, lampin bayi, tuala wanita dan barangan keperluan lain.

Kehadiran sukarelawan UUM sedikit sebanyak telah memberi sinar harapan kepada mereka yang masih terkejut dengan peristiwa tersebut kerana ia berlaku dengan pantas dan tidak diduga, air terlalu cepat naik sehinggakan mangsa tidak sempat membuat persediaan menghadapi banjir.





# Laporan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia



## Kumpulan Wang Mengurus

Peruntukan belanja mengurus yang diluluskan untuk tahun 2021 ialah sebanyak RM384.5 juta, menurun RM5.2 juta (1.3%) berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak RM389.7 juta.

Peruntukan ini dibiayai oleh geran Kerajaan sebanyak RM 299.2 juta (78%) dan RM85.3 juta (22%) adalah daripada sumber dalaman Universiti iaitu hasil tahunan dan rizab terkumpul.

Perbelanjaan sebenar berbanding dengan peruntukan bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Butiran	Peruntukan		Perbelanjaan		
	RM'Juta	%	RM'Juta	% dari Jumlah Peruntukan	% dari Item Peruntukan
Emolumen	260.8	64.6	248.8	64.7	95.4
Perkhidmatan dan Bekalan	108.2	31.6	82.4	21.5	76.2
Pemilikan Harta Modal	0.2	0.1	0.2	0.05	100
Pemberian dan Bayaran Tetap	6.5	2.1	4.1	1.1	63.1
Bayaran-bayaran Lain	8.8	1.6	8.8	2.3	100
<b>Jumlah</b>	<b>384.5</b>	<b>100.0</b>	<b>344.3</b>	<b>89.5</b>	<b>89.5</b>

Sebanyak RM344.3 juta (89.5%) telah dibelanjakan bagi tahun 2021. Ini meliputi emolumen (64.7%), perkhidmatan dan bekalan (21.5%), pemilikan harta modal (0.05%), pemberian dan bayaran tetap (1.1%) dan untuk bayaran-bayaran lain (2.3%).

## Kumpulan Wang Pembangunan

### Projek Di Bawah sambungan RMK-10 dan RMK-11

Universiti menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM9.0 juta untuk membiayai pembangunan projek bagi tahun 2021. Ini menjadikan penyaluran peruntukan terkumpul sehingga 31 Disember 2021 untuk projek dalam pembinaan ialah sebanyak RM158.98 juta.

Senarai projek dalam pembinaan untuk RMK-10 sambungan dan RMK-11 adalah seperti berikut:

Bil	Projek	Peruntukan Diluluskan (RM)	Peruntukan Diterima (RM)	Perbelanjaan Sehingga 31/12/2021 (RM)	Perbelanjaan Dari Peruntukan Diterima (%)
<b>Projek Sambungan RMK-10</b>					
1)	Pembinaan Tangki Simpanan Air dan Penggantian Paip Air Dalam Kampus	16,400,000	16,400,000	14,099,035	86%
2)	Pembinaan Dewan Serbaguna Di Dewan Penginapan Pelajar	7,500,000	7,500,000	1,395,684	19%

Bil	Projek	Peruntukan Diluluskan (RM)	Peruntukan Diterima (RM)	Perbelanjaan Sehingga 31/12/2021 (RM)	Perbelanjaan Dari Peruntukan Diterima (%)
3)	Pembinaan Pusat Kegiatan Ko-Kurikulum	8,000,000	8,000,000	3,833,727	48%
4)	Peningkatan Sokongan dan Kemudahan ICT utk Pengajaran Pembelajaran dan Penyelidikan	7,910,000	7,910,000	7,558,331	96%
<b>Jumlah</b>		<b>39,810,000</b>	<b>39,810,000</b>	<b>26,886,777</b>	<b>68%</b>
<b>Projek RMK-11</b>					
1)	Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan Hospitaliti dan Alam Sekitar UUM COLGIS	41,500,000	39,480,000	30,411,915	77%
2)	Tambahan Bangunan Pusat Komputer UUM	18,000,000	15,500,000	5,055,236	33%
3)	Kerja Pengantian Sistem Chiller di UUM	15,505,000	15,505,000	15,310,841	99%
4)	Tambahan Kemudahan Sukan UUM	10,200,000	10,200,000	9,896,697	97%
5)	Menaiktaraf Infrastruktur dan Sistem Mekanikal, Elektrikal serta ICT Dwn Kuliah Gugusan 1,2 dan 3	21,836,000	12,980,000	2,152	0.02%
6)	Pembinaan Pencawang Pembahagi Utama 11KV	6,000,000	6,000,000	4,524,677	75%
7)	Kerja-kerja Menaiktaraf Permukaan Jalan di Dalam Kampus	7,000,000	7,000,000	6,244,340	89%
8)	Menaiktaraf Infrastruktur dan Infostruktur Teknologi Maklumat	8,500,000	8,500,000	7,694,662	91%
9)	Penggantian dan Perolehan Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran	4,000,000	4,000,000	3,759,030	94%
<b>Jumlah</b>		<b>132,541,000</b>	<b>119,165,000</b>	<b>82,899,550</b>	<b>70%</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>172,351,000</b>	<b>158,975,000</b>	<b>109,786,327</b>	<b>69%</b>



## Kumpulan Wang Pendapatan

Jumlah hasil Kumpulan Wang Pendapatan ialah sebanyak RM9.4 juta, meningkat RM2.0 juta berbanding tahun 2020, iaitu sebanyak RM7.4 juta.

Butiran pendapatan terperinci tahun 2021 dan perbandingan dengan tahun 2020 adalah seperti berikut:

Butiran	2021		2020		Peningkatan/ (Pengurangan) (RM Juta)
	(RM Juta)	%	(RM Juta)	%	
Dividen dan faedah	5.5	59	7.4	100	(1.9)
Pendapatan lain	3.9	41	0	0	3.9
<b>Jumlah</b>	<b>9.4</b>	<b>100</b>	<b>7.4</b>	<b>100.0</b>	<b>2.0</b>

## Akaun Amanah

Kedudukan akaun amanah yang dikategorikan sebagai liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan UUM bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut :

Bil	Butiran	Baki Pada 1.1.2021 (RM)	Pegerakan dalam Tahun (RM)	Baki Pada 31.12.2021 (RM)
1	TPP Sime Bank	48,852	-	48,852
2	TPP Yayasan Melaka	10,000	-	10,000
3	TPP Kerajaan Negeri Sarawak	7,820	-	7,820
4	TPP Yayasan Pahang	8,500	-	8,500
5	TPP Kerajaan Negeri Selangor	8,200	-	8,200
6	TPP Negeri Kedah	18,400	-	18,400
7	TPP Universiti Utara Malaysia	2,008,515	-	2,008,515
8	TPP Yayasan Kelantan	20,000	-	20,000
9	TPP MAIWP	100,000	-	100,000
10	TPP Yayasan Felda	10,000	-	10,000
11	Tabung Biasiswa Raja/YDP	8,700	-	8,700
12	Pendahuluan Penaja MARA	1,550	-	1,550
13	Tabung Pendahuluan/Aktiviti Pelajar	4,653,019	-	4,653,019
14	Tabung Biasiswa Nikko sec. Co. Ltd	250,000	-	250,000
15	T. Pusingan Usahawan Siswa Kpu	20,000	-	20,000
16	Tabung wang Aktiviti Pelajar	93,488	-	93,488
18	Tabung Kursi KLSE	1,650,000	-	1,650,000
19	TPP Yayasan N.Sembilan	50,000	-	50,000
20	Tabung Kursi CIMB	4,702,847	(4,454,523)	248,324
	<b>Jumlah</b>	<b>13,669,890</b>	<b>-</b>	<b>9,215,368</b>

## Kumpulan Wang Pinjaman

### Pinjaman Kepada Staf

Universiti telah menyediakan RM26.4 juta untuk pinjaman kenderaan, perumahan dan komputer untuk staf. Kedudukan pinjaman dan baki tabung pinjaman adalah seperti berikut :

Butiran	Nilai Tabung (RM Juta)	Baki Pinjaman (RM Juta)	Baki Tabung (RM Juta)	Bilangan Staf
Pinjaman Kenderaan	10.7	4.4	6.3	368
Pinjaman Perumahan	13.7	0.2	13.5	33
Pinjaman Komputer	2.0	0.3	1.7	101
<b>Jumlah</b>	<b>26.4</b>	<b>5.2</b>	<b>21.5</b>	<b>502</b>

### Aset UUM

UUM memiliki 12,397 unit aset hartanah loji dan peralatan yang dan empat (4) hartanah pelaburan yang telah didaftarkan di kampus UUM Sintok dan UUM Kuala Lumpur sehingga 31 Disember 2021 dengan pecahan seperti berikut:

Kumpulan Aset	Jenis Aset	Bilangan	Nilai Buku
Hartanah, Loji dan Peralatan	Tanah	9	49,435,938
	Bangunan	859	503,398,210
	Kemudahan	500	28,924,657
	Kenderaan	258	621,353
	Harta Modal Lain	10,771	7,273,312
	<b>Jumlah</b>	<b>12,397</b>	<b>589,653,470</b>

Kumpulan Aset	Jenis Aset	Bilangan	Nilai Buku
Hartanah Pelaburan	Tanah	2	449,000
	Bangunan	2	279,961
	<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>728,961</b>

## Pelaburan dalam Subsidiari

UUM memiliki pegangan penuh di dalam syarikat subsidiari iaitu Uniutama Management Holdings Sdn. Bhd. (UMHSB) yang mana aktiviti utama syarikat ini adalah pelaburan.

Jumlah pelaburan kumulatif dalam subsidiari ini bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:



UUM

	2021 RM	2020 RM
Saham tidak disiarharga pada kos:-		
Saham Biasa	16,500,000	16,500,000
Cumulative Preference Share @4% setahun	3,500,000	3,500,000
	20,000,000	20,000,000
Tolak: Peruntukan rosot nilai	(4,633,678)	(5,238,349)
Nilai pelaburan selepas rosot nilai	15,366,322	14,761,651

UMHSB memiliki 9 syarikat subsidiari dan aktiviti utama syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

Nama	Aktiviti Utama
Uniutama Property Sdn. Bhd.	Penyelenggaraan hartanah, perkhidmatan pembersihan, pengurusan hotel dan pelaburan.
Uniutama Education And Consultancy Sdn Bhd.	Menyediakan perkhidmatan latihan dan perundingan, perkhidmatan pengurusan, dan menjalankan operasi sebuah sekolah antarabangsa.
Uniutama Solution Sdn. Bhd.	Perkhidmatan memasang dan memasarkan komputer, menjalankan latihan dan perundingan berkaitan teknologi maklumat.
Managers Coffee Sdn. Bhd.	Coffeehouse dan pelaburan
Global Residences Sdn. Bhd.	Penyewaan Hartanah
Platinum Pinang Sdn. Bhd.	Perkhidmatan Hotel
Uniutama Travel & Tours Sdn. Bhd.	Perkhidmatan perjalanan dan pelancongan, penyewaan hartanah dan penyediaan makanan.
Uni Clean & Hygiene Sdn. Bhd	Perkhidmatan penyenggaraan kebersihan dan dobi
Sintok Agro Sdn. Bhd.	Perniagaan perladangan dan tapak semaian

Pada tahun berakhir 31 Disember 2021, Kumpulan UMHSB telah mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM2.3 juta dan keuntungan terkumpul ialah sebanyak RM4.8 juta.





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai Disatukan serta Penyata Perbandingan Antara Amaun Bajet dan Amaun Sebenarnya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 41.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

***Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain***

Saya adalah bebas daripada Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

## **Penegasan Perkara**

UUM hendaklah mengekalkan lebih amaun projek di bawah Geran Tertunda Pembangunan sebagai liabiliti dan tanggungjawab UUM kepada pemegang taruh. Disyorkan pihak UUM dengan suci hati memaklumkan kepada pemegang taruh jumlah lebihan dan rancangan projek pembangunan tahun semasa atau di bawah RMK-12 yang boleh dilaksanakan dengan menggunakan baki sedia ada. Selaras dengan piawaian, baki amaun lebihan projek bukanlah milik pihak UUM tetapi amaun yang dipertanggungjawabkan oleh pemegang taruh untuk dibelanjakan bagi memastikan nilai wang sebenar dimanfaatkan.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah, Universiti Utara Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud

atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Utara Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Utara Malaysia atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan



- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 13 dalam penyata kewangan.

#### **Hal-hal Lain**

Memastikan wujudnya kawalan dalaman dan pemantauan terhadap status projek khususnya projek telah siap dan perlu dipermodalkan dalam tahun berkaitan. Terimaan bagi tahun semasa juga hendaklah di rekod dan diambil kira sepenuhnya bagi memastikan pengiktirafan hasil adalah benar dan saksama.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Utara Malaysia berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

*Nor Haiza Ami*

(DR. NOR HAIZA BINTI ABD AZIZ @ JUNED)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA  
24 OGOS 2022



**PENYATA AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami, **TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR** dan **PROF. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH**, yang merupakan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI UTARA MALAYSIA dengan ini menyatakan, pada pendapat pengarah-pengarah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai Disatukan, Penyata Perbandingan Antara Amaun Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan UNIVERSITI UTARA MALAYSIA dan KUMPULAN pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



**TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR**  
Pengerusi



**PROF. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH**  
Ahli Lembaga Pengarah

Sintok, Kedah

Bertarikh : 24/4/2022

**Universiti Utara Malaysia**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya, **EYLANI BINTI AHMAD (K/P No: 650226-03-5244)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan UNIVERSITI UTARA MALAYSIA dan KUMPULAN dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai Disatukan, Penyata Perbandingan Antara Amaun Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh

  
**EYLANI BINTI AHMAD**

di **ALOR SETAR KEDAH**

pada **24 APR 2022**

di hadapan saya



**NO 961,TINGKAT BAWAH BANGUNAN  
PERUDA BARU,JALAN SULTAN BADLISHAH,  
05000 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN**



## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KUMPULAN		UUM	
		2021 RM	2020 RM (Dinyatakan semula)	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan semula)
<b>ASET</b>					
<b>Aset Semasa</b>					
Simpanan Tetap Institusi Kewangan Berlesen	5	247,635,683	238,258,843	243,518,019	234,518,019
Wang Tunai dan Baki di Bank	6	18,503,661	19,505,337	10,774,467	14,431,621
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	7	6,017,413	5,516,634	6,017,413	5,516,634
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	8	22,843,618	6,281,599	17,103,910	14,962,637
Inventori	9	110,993	197,537	-	-
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>295,111,368</b>	<b>269,759,950</b>	<b>277,413,809</b>	<b>269,428,911</b>
<b>Aset Bukan Semasa</b>					
Pelaburan Jangka Panjang	10	500,000	5,308,402	500,000	5,308,402
Penghutang Jangka Panjang	11	40,492,343	33,470,299	40,492,343	33,470,299
Muhibah	12	171,569	212,766	-	-
Pelaburan dalam Anak Syarikat	13	-	-	15,366,322	14,794,244
Hartanah, Loji dan Peralatan	14	658,088,748	676,321,692	589,653,473	606,911,757
Hartanah Pelaburan	15	2,738,959	2,749,727	728,959	739,727
Pembinaan Dalam Kemajuan	16	52,505,887	40,013,930	52,505,887	40,013,930
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>754,497,506</b>	<b>758,076,816</b>	<b>699,246,984</b>	<b>701,238,359</b>
<b>LIABILITI</b>					
<b>Liabiliti Semasa</b>					
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	17	35,919,047	29,409,965	32,219,722	42,083,723
Lain-Lain Belum Bayar	18	7,630,971	7,525,657	7,198,424	6,188,920
Manfaat Pekerja	22	2,407,594	1,653,545	2,407,594	1,653,545
Overdraft Bank	24	4,462,970	6,029,495	-	-
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>50,420,582</b>	<b>44,618,662</b>	<b>41,825,740</b>	<b>49,926,188</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>					
Geran Tertunda Penyelidikan	19	16,578,329	25,430,895	16,578,329	25,430,895
